

## LAMPIRAN 1

### Butiran dan syarat-syarat pertandingan:

1. Bahan-bahan yang diterima untuk kempen kitar semula ialah **aluminium, plastik dan kertas**. Bahan-bahan lain seperti besi atau kaca juga diterima tetapi tidak akan dikira sebagai bahan-bahan bagi tujuan pertandingan.
2. Kempen terbahagi kepada Kategori Sekolah Rendah dan Kategori Sekolah Menengah.
3. Penyertaan dibuka kepada semua sekolah di dalam kawasan pentadbiran MBSA.
4. Setiap sekolah perlu bekerjasama dengan pihak urusetia dari F&NBM, Alam Flora dan MBSA bagi menetapkan hari kutipan dan timbangan bahan kitar semula.
5. Selain jadual kutipan dan timbangan oleh Alam Flora, sekolah yang terlibat boleh menghantar bahan kitar semula ke Pusat Kitar Semula di Seksyen 11, Shah Alam. Bahan yang ditimbang dikira sah untuk dipertandingkan di dalam kempen ini.
6. Hanya pihak Alam Flora sahaja dibenarkan untuk membuat kutipan dan timbangan semasa kempen dilangsungkan.
7. Untuk penyelarasan jadual kutipan dan timbangan yang teratur, pihak sekolah diminta untuk menghubungi terus pegawai Alam Flora Encik Muhammad Zaki B. Kamal di talian 03-20527682 atau 012-2895389.
8. Jadual kutipan akan dibuka bermula 1 Mei dan ditutup pada 31 Julai (Waktu pejabat). Kutipan selepas 31 Julai tidak akan dikira sebagai bahan kempen.
9. Pemenang-pemenang pertandingan adalah berdasarkan **timbangan bahan kitar semula yang tertinggi** bagi setiap kategori sekolah menengah dan sekolah rendah.

## LAMPIRAN 1

10. Hadiah khas kategori "**Kutipan aluminium tertinggi**" adalah berdasarkan timbangan aluminium tertinggi.
11. Hadiah khas kategori "**Kutipan plastik tertinggi**" adalah berdasarkan timbangan plastik tertinggi.
12. Kempen ini akan berlangsung selama tiga (3) bulan bermula **dari 1 Mei dan berakhir pada 31 Julai 2010.**
13. Pihak penganjur akan menghubungi pemenang-pemenang melalui pos/telefon.
14. Satu acara penyampaian hadiah akan diadakan selepas kempen tamat dan butiran lanjut akan dimaklumkan kepada sekolah-sekolah yang terlibat kelak.
15. **Borang penyertaan yang lengkap** mestilah dikirimkan melalui Pengetua sekolah ke alamat berikut **pada atau sebelum 5 petang, 16 April 2010 (Jumaat) :**

**Kempen Kitar Semula F&NBM, Alam Flora & MBSA 2010  
Jabatan Perkhidmatan Bandar,  
Majlis Bandaraya Shah Alam  
Wisma MBSA, Persiaran Perbandaran,  
40000 Shah Alam.  
Faks: 55127014**

16. Borang penyertaan yang diterima selepas tarikh tutup dianggap tidak sah.
17. Pihak penganjur berhak menukar syarat-syarat penyertaan kempen pada bila-bila masa dan keputusan penganjur adalah muktamad.